




NAJIB bersalaman dengan James sambil diperhatikan Ahmad Zahid (kiri) dan Danny (dua dari kanan) sejurus tiba di Pangkalan TUDM Subang semalam.

Peta laluan misi penerbangan kelilingi dunia James Anthony



Juruterbang 21 tahun pandu pesawat secara solo kelilingi dunia dalam masa 48 hari

# Anak muda catat rekod dunia

KOSMO 15/5/13 MS 6

Oleh ZULKIFLI MANZOR dan SHAHERMAN SHAMSURI  
berita@kosmo.com.my

**SUBANG** - Rakyat Malaysia, Kapten James Anthony Tan, 21, berjaya memecah rekod dunia sebagai juruterbang termuda mengelilingi

dunia secara solo selama 48 hari menggunakan pesawat Cessna P210 Eagle yang diberi nama Semangat Malaysia semalam.

Ketibaannya di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Subang di sini disambut Perdana Men-

teri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Turut hadir, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi dan Pengasas Malaysia Book of Records, Datuk Danny Ooi.

James yang berasal dari Kajang berlepas dari Ter-

minal Subang Skypark di sini pada 28 Mac lalu bagi memenuhi cabaran Misi 1Malaysia Kelilingi Dunia (IRTW).

Pencapaian juruterbang muda negara itu mengelilingi dunia sejauh 20,597 batu nautika (38,146 kilometer) meliputi 20 buah negara dan 30 hentian dicatat dalam Guinness World Records dan Malaysia Book of Records.

Beliau mengatasi rekod kelilingi dunia selama 80 hari yang dipegang juruterbang warga Switzerland, Kapten Carlo Schmid, 22, pada 11 Julai 2012.

Najib dalam ucapannya berharap golongan beliau menjadikan James sebagai sumber inspirasi.

"Kita harus bertanya kepada diri kita apakah yang lebih baik dan lebih hebat

kita boleh lakukan daripada yang pernah dilakukan oleh sesiapa pun.

"Ada ramai rakyat Malaysia telah berjaya melakukan pelbagai perkara besar dan hari ini, James salah seorang daripada mereka. Beliau melakukan perkara ini bukan untuk diri sendiri tetapi untuk Malaysia," katanya.

Sementara itu, James berkata: "Pengalaman paling menakutkan sepanjang 48 hari dalam misi ini ialah terbang dalam ribut petir dan menghadapi saat-saat bahan api pesawat membeku."

Katanya, ketika terbang merentasi Selat Bering, Rusia, suhu di bawah paras beku 20 darjah Celsius menyebabkan James terpaksa menggunakan pemutar skru untuk memecahkan

air batu yang terbentuk dalam pesawat.

"Dari Juno (Amerika Syarikat) ke Vancouver (Kanada) pula, tangki minyak nombor satu saya rosak dan saluran hidraulik bocor, seluruh papan muka bergegar dengan kuat. Saya tidak tahu apa yang berlaku," ujarnya.

James bagaimanapun lega kerana dia tidak cepat panik ketika berhadapan dengan pelbagai situasi yang boleh mengancam nyawa sepanjang misi tersebut.

Ditanya apa perancangannya selepas ini, James berkata, dia bercadang untuk membukukan pengalamannya itu sebagai panduan dan pencetus semangat kepada rakyat Malaysia untuk terus mencipta kecemerlangan.



**JAMES ANTHONY TAN** mengibarkan Jalur Gemilang di hadapan pesawat yang dipandunya sebaik sahaja berjaya menamatkan misi mengelilingi dunia semalam.